



KEMAS: Pasar seni nampak lebih segar dengan pelbagai hiasan dan gerai menjual pelbagai produk.



BERPENGALAMAN: Raja Mohamad sudah 22 tahun melukis di Pasar Seni.



MENARIK: Persembahan muzik tradisional memikat pelancong.



“ Kita mempunyai pemuzik sendiri yang memainkan angklung hampir setiap hari. Setiap bulan kita akan ubah tempat pemuzik supaya ia tidak membosankan pengunjung ”

Richard Cheong  
Pengurus Kanan Pusat Seni Sdn Bhd



HIBURAN: Anak muda bermain angklung 'memberi warna' kepada persekitaran Pasar Seni.



DESTINASI POPULAR: Pemandangan di Pasar Seni.

# Pasar Seni makin ceria

## Bangunan berusia 120 tahun berdiri megah sebagai pusat kebudayaan

Oleh Jami'ah Shukri  
jshukri@berita.com.my

SUASANA persekitarannya santai. Merentasi lorong di dalam bangunan lama berusia 120 tahun itu, biji mata berkeliaran menyaksikan pelbagai jenis barangan dan gelagat orang ramai yang bertali-arus datang. Terdetik rasa kelainan di situ. Pasar Seni, yang dulunya dikenali sebagai Central Market, ternyata sudah berubah wajah. Keceriaannya lebih terserlah.

Rentetan menarik fasa demi fasa dilalui Pasar Seni, iaitu sebuah bangunan lama yang dibina pada 1888, sarat dengan nilai seni sebagai simbol pembangunan, perkembangan dan pencapaian bangsa dan negara.

Fasa pembangunan yang panjang ternyata diisi dengan penuh bermakna. Denyut nadi juga bersifat kontemporari seiring dengan perubahan zaman. Jika dulu ia hanya menjadi pasar basah untuk menjual ikan, daging dan sayur-sayuran, kini berdiri megah sebagai pusat kebudayaan dan warisan bangsa. Sejak 2004, Central Market Sdn Bhd mengambil alih dan mengurus tempat ini daripada Melewar Leisure Sdn Bhd. Serentak itu, pihak pengurusan baru menjalankan kerja menaik taraf reka bentuk dalam Pasar Seni supaya lebih segar dan menarik untuk menarik lebih ramai pengunjung.

Memang sejak sekitar 1980-an bangunan lama yang sarat dengan ciri khazanah dan warisan budaya itu nampak meriah dengan pelbagai aktiviti daripada menjual




TAK SUNYI: Pasar Seni meriah dengan pelbagai kegiatan.

pelbagai jenis produk dan makanan tradisional seperti ukiran kayu, logam, lukisan, barang perhiasan, gambar, poskad, hiasan kaca dan gubahan bunga. Malah, kain batik dan tenun pelbagai corak serta anyaman mengkuang turut dipamerkan untuk jualan. Pertunjukan tradisional, tarian masa kini dan konsert sesekali diadakan untuk memeriahkan serta menghiburkan pengunjung. Pelbagai persembahan, pertunjukan dipamerkan seperti lukisan batik, tilik nasib, wayang kulit, meniup kaca, kelas tar-

ian dan pelbagai aktiviti lain turut tersedia. Jika dulu, persembahan pemuzik jalanan dan bacaan puisi daripada siapa saja yang ingin menonjolkan bakat serta kreativiti dalam bidang seni, kini keadaan itu sudah semakin terbatas. Bagi penulis potret, Pusat Seni, adalah medan mereka untuk mencurah idea, ilusi dan kreativiti. Ada deretan beberapa pelukis tempatan di bahagian luar yang bersambungan dengan bangunan utama Pasar Seni. Pengurus Kanan Pusat Seni Sdn Bhd, Richard Cheong,

berkata terlalu banyak perubahan berlaku terutama selepas Melewar mengambil alih sejak 2004 bagi meningkatkan imej di samping terus mengekalkannya sebagai pusat seni, budaya dan warisan negara. Beliau berkata, pihaknya menyusun semula semua kedai yang ada, kesemuanya meliputi 350 lot dengan membahagikan mengikut zon sebagai produk dipamerkan termasuk Lorong Melayu, India dan Cina, lalu ala Jonker Street di Melaka serta lebih tersusun, selain menyediakan kamera liter



tertutup (CCTV). Lebih 50 peratus barangan daripada produk tempatan selebihnya, Thailand, Indonesia dan China. Selain restoran makanan pelbagai cita rasa, Pusat Seni tidak lupa menyediakan pelbagai persembahan hiburan. “Kita mempunyai pemuzik sendiri yang memainkan angklung hampir setiap hari. Setiap bulan kita akan ubah tempat pemuzik supaya ia tidak membosankan pengunjung. Selain itu, kita sediakan pertunjukan tarian dan muzik pelbagai kaum. “Sesekali diadakan persem-

bahan di bahagian luar bangunan khusus untuk kawasan kegiatan seni seperti menyanyi, berlawak, melukis dan bermain muzik,” katanya. Setakat ini, Pasar Seni masih menjadi antara pilihan destinasi popular di negara ini dan bagi pelancong asing, ia bakaikan lokasi wajib untuk dikunjungi. Ternyata keputusan kerajaan untuk mempertahankan bangunan itu, tidak sia-sia selepas ada ura-ura untuk dirobohkan sekitar 1970-an. Kewujudan Pusat Seni relevan kerana ia adalah antara 14 bangunan lama di negara ini.

# Muzik tradisional meriahkan suasana destinasi popular

PEMANDANGAN pelukis khusus melukis potret dan jerni seorang anak muda ligat memainkan alat muzik tradisional, angklung mewarnai suasana persekitaran Pusat Seni, di Jalan Kasturi yang saban hari, sentiasa sibuk dikunjungi pelbagai lapisan masyarakat termasuk pelancong asing. Tidak ketinggalan, kelihatan dua anak muda dari Amerika Selatan sedang menunggu giliran untuk berpadu tenaga mengalunkan muzik tradisional negaranya dengan menggunakan pan flute, raining flute, metal wing dan seed fruit (alat muzik tradisional daripada buluh).

Kemeriahan dan keceriaan di Pusat Seni, tetap dirasai bagi menghilangkan kesuraman suasana. Walaupun kewujudan pemuzik jalanan itu tidak semeriah dan sehebat dibandingkan Covent Garden, London yang menyediakan pelbagai persembahan opera, teater, artis jalanan atau badut, alunan itu merdu muzik berkenaan mampu menjadi terapi halwa telinga bagi menghiburkan pengunjung.

Memang Malaysia setakat ini belum mencapai tahap itu, walaupun pernah cuba mewujudkan konsep sama. Malah penganjuran KL Buskers International yang dianjurkan Pelancongan Malaysia, pada 2006, tidak dapat diteruskan kerana tiada sambutan. Pemain Angklung, Nazri Mohamad, 27, mula menyertai Pusat Seni sejak dua tahun lalu untuk menjadi pemuzik tetap bagi menghiburkan pengunjung pusat itu dengan pelbagai jenis lagu.

Katanya, beliau akan mula mengalunkan muzik angklungnya mulai jam 12 tengah hari hingga 6 petang, kerana pada waktu itu, ramai yang mengunjungi pusat terabit termasuk pelancong asing. “Kita pilih angklung kerana ia unik dan muzik tradisional. Angklung hanya dimainkan di Malaysia dan ini memberi kelebihan. Alat ini sesuai dimainkan di sini kerana dapat menarik ramai untuk mendengar dan menyenangi alunan melodinya termasuk pelancong asing,” katanya yang juga pemsyarah sambilan Seni Persembahan di Universiti Teknologi Mara (UITM). Setakat ini, dengan adanya persembahan muzik itu, ia melengkapkan lagi



Manuel Rios

menyertai Pusat Seni sejak dua tahun lalu untuk menjadi pemuzik tetap bagi menghiburkan pengunjung pusat itu dengan pelbagai jenis lagu. Katanya, beliau akan mula mengalunkan muzik angklungnya mulai jam 12 tengah hari hingga 6 petang, kerana pada waktu itu, ramai yang mengunjungi pusat terabit termasuk pelancong asing.

“Kita pilih angklung kerana ia unik dan muzik tradisional. Angklung hanya dimainkan di Malaysia dan ini memberi kelebihan. Alat ini sesuai dimainkan di sini kerana dapat menarik ramai untuk mendengar dan menyenangi alunan melodinya termasuk pelancong asing,” katanya yang juga pemsyarah sambilan Seni Persembahan di Universiti Teknologi Mara (UITM). Setakat ini, dengan adanya persembahan muzik itu, ia melengkapkan lagi

kepelbagaian daripada menjadi pusat menjual pelbagai jenis barangan dan produk tempatan kepada muzik tradisional. Pemuzik Jalanan Amerika Selatan, Manuel Rios, 30, ketika ditemui, berkata beliau serta rakan-rakannya, Alex Amador, 39, bersama-sama bermain muzik tradisional negaranya sejak April lalu di Pusat Seni.

Katanya, sambutan orang ramai amat menggalakkan dan menunjukkan minat yang mendalam untuk mendengar persembahan mereka walaupun tidak memahami lagu terbabit. “Amador berasal daripada Bolivia dan kami hanya mengenali diri masing-masing di sini. Kami mempunyai persamaan minat dan bergabung tenaga untuk memainkan muzik tradisional negara kami,” katanya yang mengadakan persembahan sehingga bulan depan. Beliau adalah pemuzik

menyertai Pusat Seni sejak dua tahun lalu untuk menjadi pemuzik tetap bagi menghiburkan pengunjung pusat itu dengan pelbagai jenis lagu. Katanya, beliau akan mula mengalunkan muzik angklungnya mulai jam 12 tengah hari hingga 6 petang, kerana pada waktu itu, ramai yang mengunjungi pusat terabit termasuk pelancong asing.

“Kita pilih angklung kerana ia unik dan muzik tradisional. Angklung hanya dimainkan di Malaysia dan ini memberi kelebihan. Alat ini sesuai dimainkan di sini kerana dapat menarik ramai untuk mendengar dan menyenangi alunan melodinya termasuk pelancong asing,” katanya yang juga pemsyarah sambilan Seni Persembahan di Universiti Teknologi Mara (UITM).

Setakat ini, dengan adanya persembahan muzik itu, ia melengkapkan lagi jalanannya sepenuh masa dan sebahagian daripada hidupnya adalah dengan mengembara di seluruh dunia untuk mendendangkan lagu dan memainkan muzik tradisional negaranya. “Persembahan kami pertama dan tiada sebarang bayaran daripada pihak pengurusan Pusat Seni. Kami hanya menjual alat muzik seperti flute yang diperbuat daripada buluh, kaset (muzik tradisional Amerika Selatan) dan aksesori. Setakat ini, sambutan menggalakkan,” katanya yang baru saja menamatkan persembahannya di Singapura dan Korea sebelum ke Malaysia. Sementara itu, Pelukis Potret, Raja Mohamad Raja Abu Bakar yang sudah 22 tahun bersama Pusat Seni, mengakui banyak perubahan tetapi masih terus mengekalkan warisan budaya Malaysia. Katanya, Pusat Seni bakaikan pasar raya belibeh, cuma membezakannya adalah barangan dan produk dijual mempunyai identiti tersendiri. “Mereka yang ingin mendapatkan barangan kraf tangan, lukisan atau potret, boleh datang ke tempat ini, kita sedia memenuhi cita rasa mereka. Saya mempunyai banyak koleksi lukisan dan potret. Saya pernah melukis potret, antaranya Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak serta Menteri Perdagangan Antarabangsan Industri, Tan Sri Muhyiddin Yassin,” katanya.

kepelbagaian daripada menjadi pusat menjual pelbagai jenis barangan dan produk tempatan kepada muzik tradisional. Pemuzik Jalanan Amerika Selatan, Manuel Rios, 30, ketika ditemui, berkata beliau serta rakan-rakannya, Alex Amador, 39, bersama-sama bermain muzik tradisional negaranya sejak April lalu di Pusat Seni.

Katanya, sambutan orang ramai amat menggalakkan dan menunjukkan minat yang mendalam untuk mendengar persembahan mereka walaupun tidak memahami lagu terbabit. “Amador berasal daripada Bolivia dan kami hanya mengenali diri masing-masing di sini. Kami mempunyai persamaan minat dan bergabung tenaga untuk memainkan muzik tradisional negara kami,” katanya yang mengadakan persembahan sehingga bulan depan. Beliau adalah pemuzik

menyertai Pusat Seni sejak dua tahun lalu untuk menjadi pemuzik tetap bagi menghiburkan pengunjung pusat itu dengan pelbagai jenis lagu. Katanya, beliau akan mula mengalunkan muzik angklungnya mulai jam 12 tengah hari hingga 6 petang, kerana pada waktu itu, ramai yang mengunjungi pusat terabit termasuk pelancong asing.

“Kita pilih angklung kerana ia unik dan muzik tradisional. Angklung hanya dimainkan di Malaysia dan ini memberi kelebihan. Alat ini sesuai dimainkan di sini kerana dapat menarik ramai untuk mendengar dan menyenangi alunan melodinya termasuk pelancong asing,” katanya yang juga pemsyarah sambilan Seni Persembahan di Universiti Teknologi Mara (UITM).

Setakat ini, dengan adanya persembahan muzik itu, ia melengkapkan lagi jalanannya sepenuh masa dan sebahagian daripada hidupnya adalah dengan mengembara di seluruh dunia untuk mendendangkan lagu dan memainkan muzik tradisional negaranya. “Persembahan kami pertama dan tiada sebarang bayaran daripada pihak pengurusan Pusat Seni. Kami hanya menjual alat muzik seperti flute yang diperbuat daripada buluh, kaset (muzik tradisional Amerika Selatan) dan aksesori. Setakat ini, sambutan menggalakkan,” katanya yang baru saja menamatkan persembahannya di Singapura dan Korea sebelum ke Malaysia. Sementara itu, Pelukis Potret, Raja Mohamad Raja Abu Bakar yang sudah 22 tahun bersama Pusat Seni, mengakui banyak perubahan tetapi masih terus mengekalkan warisan budaya Malaysia. Katanya, Pusat Seni bakaikan pasar raya belibeh, cuma membezakannya adalah barangan dan produk dijual mempunyai identiti tersendiri. “Mereka yang ingin mendapatkan barangan kraf tangan, lukisan atau potret, boleh datang ke tempat ini, kita sedia memenuhi cita rasa mereka. Saya mempunyai banyak koleksi lukisan dan potret. Saya pernah melukis potret, antaranya Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak serta Menteri Perdagangan Antarabangsan Industri, Tan Sri Muhyiddin Yassin,” katanya.